

16/10/1999

Isu 13 Mei tidak lagi relevan: Ramli

Shamshul Azree Samshi

IPOH, Jumaat - Isu peristiwa berdarah 13 Mei 1969 seperti yang dibangkitkan Naib Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Marina Yusof sudah tidak lagi relevan di dalam konteks Malaysia moden.

Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata tindakan Marina membangkitkan semula isu 13 Mei 1969 hanya sia-sia dan hanya membuktikan beliau 'putus asa' dalam mencari bahan berkempen.

"Isu 13 Mei 1969 sudah dilupakan semua pihak malah rakyat sendiri sudah memilih melupakannya.

"Ia tidak lagi relevan dalam konteks Malaysia moden sekarang," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Barisan Nasional (BN) negeri di sini, hari ini.

Ramli yang juga Pengerusi BN negeri berkata, tindakan Marina hanya merugikan parti yang diwakilinya malah tidak memberi kesan kepada pemikiran rakyat.

"Keadilan nampaknya dari hari ke hari hanya mahu mencari idea baru untuk dibangkitkan.

"Lebih banyak isu yang dibangkitkan mereka, lebih banyak ia menjadi tidak relevan," katanya.

Sementara itu, Ramli berkata, semua parti komponen BN di negeri ini diarah meningkatkan kecekapan jentera pilihan raya mulai sekarang berikutan mekanisme sedia ada belum digerakkan 100 peratus.

Menurutnya, parti komponen juga diminta mengeratkan perpaduan sesama ahli dengan mengadakan lebih banyak perjumpaan muhibah.

"Jentera pilihanraya memang sudah bersedia tetapi ia belum digerakkan 100 peratus.

"Sehubungan itu, kita mahu setiap bahagian dan cawangan menghantar laporan memaklumkan persiapan yang dibuat," katanya.

Ramli berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga meminta lebih banyak perjumpaan seperti jamuan teh diadakan bagi merapatkan hubungan pemimpin dan masyarakat.

Sementara itu, beliau berkata, mesyuarat itu juga bersetuju dengan cadangan membuka bilik gerakan tambahan di setiap kawasan yang mempunyai majoriti pengundi mengikut kaum tertentu.

"Misalnya, jika di sebuah kawasan penempatan mempunyai ramai pengundi Cina, sebuah bilik gerakan khas untuk kaum itu akan dibina sebagai tambahan kepada bilik gerakan induk," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai jumlah kerusi dan calon yang akan dipertandingkan dalam pilihan raya akan datang, beliau berkata:

"Isu itu tidak dibincangkan dalam mesyuarat. Ia akan dibincangkan di peringkat pusat nanti."

(END)